

Saksikan gerhana bulan di Dataran Sundial

KUALA TERENGGANU – Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT) menjemput orang ramai terutama komuniti setempat untuk sama-sama menyaksikan fenomena gerhana bulan di Dataran Sundial, Kampung Laut bermula jam 7 malam hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Prof. Madya Dr. Wan Nor Liza Mahadi berkata, aktiviti itu dijangka akan disertai seramai 200 peserta terdiri daripada guru, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), pelajar sekolah, komuniti setempat dan agensi kerajaan.

“Di Malaysia, gerhana bulan penuh yang juga dikenali ‘Super Blue Blood-Moon’ dijangka akan berlaku bermula selepas Maghrib dan tamat menjelang tengah malam (antara jam 7.48 malam hingga 11.11 malam)

“Fenomena ini berlaku apabila bulan terlindung oleh bayang umbra bumi yang mana matahari, bumi dan bulan berada di dalam satu garisan lurus,” katanya.

Wan Norliza berkata, gerhana bulan kali ini juga dikenali sebagai ‘Bloodmoon’ kerana warna gerhana yang kemerahan.

“Pada malam itu bulan juga dikenali sebagai ‘Supermoon’ kerana ia berada paling hampir dengan

bumi dan ‘Bluemoon’ kerana ia merupakan bulan penuh kali kedua pada bulan Januari 2018 iaitu pada 2 Januari dan 31 Januari,” katanya.

Beliau berkata, pada hari yang sama, PSKT juga akan mengadakan Program Cakap-Cakap Sains di Auditorium PSKT bermula jam 9.30 pagi dengan tajuk Fenomena Gerhana Dalam Konteks Sains, Agama dan Budaya.

Katanya, program itu akan dihadiri penceramah dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof Madya Dr Baharuddin Zainal.

Menurutnya, program itu mendapat sokongan kerajaan negeri bagi tujuan mendidik masyarakat supaya menghargai alam semesta secara amnya selain memberi pencerahan berkenaan ilmu falak (gerhana bulan) dalam konteks sains, agama dan budaya.

“Ilmu falak telah lama diaplikasikan oleh masyarakat terdahulu dalam penentuan arah kiblat dan arah utara selatan dalam kehidupan seharian dan pelayaran.

“Penerokaan demi penerokan berjaya diterajui oleh manusia dalam mengembangkan ilmu sains dan teknologi,” katanya.